

## KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 05/06/2020

### Pelantikan Ketua Pengarah Kastam Malaysia



#### PELANTIKAN KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA

Tahniah atas pelantikan **YBhg. Dato' Abdul Latif bin Abdul Kadir** sebagai **Ketua Pengarah Kastam Malaysia** berkuatkuasa pada **5 Jun 2020**.

YBhg. Dato' Abdul Latif bin Abdul Kadir, 59 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dari Universiti Putra Malaysia. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam sejak tahun 1985 dengan jawatan pertama yang disandang sebagai Penguasa Kastam, di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang penguatkuasaan, pengurusan pematuhan, perkastaman dan percukaian serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasa dan Pematuhan) dan Pengarah Kastam Negeri.

Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Dato' Abdul Latif bin Abdul Kadir akan membolehkan beliau meneruskan aspirasi JKDM ke arah pentadbiran kastam bertaraf dunia.

Saya bagi pihak kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Seri Paddy bin Abd Halim atas jasa dan khidmat bakti beliau kepada negara sebagai penjawat awam selama 37 tahun.

**DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
Ketua Setiausaha Negara  
5 Jun 2020

**Hakcipta Terpelihara © 2018 Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

Source: <https://www.ksn.gov.my/media/releases/18>